

BAB 6

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan

Melalui Analisis Kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu yang telah dijalankan, kajian ini telah berjaya mengenalpasti faktor-faktor kelemahan pelajar-pelajar universiti dalam bidang penterjemahan. Di samping itu, ia juga turut menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut seperti yang telah dinyatakan oleh S.P. Corder dalam Richards J.C. ed. (1974:166). Bab ini akan merumuskan kajian yang telah diperolehi daripada bab-bab yang terdahulu.

6.1 Rumusan

Kajian ini telah mengkaji dan menganalisis jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam teks-teks terjemahan mereka. Jenis-jenis kesilapan yang terhasil melalui kajian ini merupakan aset penting bagi menghasilkan sebuah modul panduan penterjemahan. Kajian ini melibatkan 180 teks yang telah di terjemahkan oleh 60 orang pelajar iaitu, 20 orang pelajar KIWULAM, 20 orang pelajar APIUM dan 20 orang pelajar FPIUKM. Ini bermaksud setiap pelajar dikehendaki menterjemahkan tiga buah teks dalam bahasa Arab ke dalam bahasa

Melayu, iaitu bertajuk "آفاقَ الْمُسْتَقْبَلِ" diikuti oleh teks bertajuk

"*Man Sārā Alā al-Darbi Wasala* من سَارَ عَلَى الدَّرْبِ وَصَلَّى" dan "Hijrah al-

"*Hayawānāti Ijāzun Ilāhiyyun* هِجْرَةُ الْحَيَّاتِ إِعْجَازُ إِلَهٍ".

Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kesemua teks yang diterjemahkan mengandungi jenis-jenis kesilapan yang dibentuk, iaitu Kesilapan Bahasa, Kesilapan Penanda Wacana dan Kesilapan Teknik. Di samping itu, kajian ini turut mencatatkan jumlah kesilapan pada keseluruhan teks sebanyak 3966 kesilapan. Kesilapan yang tertinggi ialah Kesilapan Teknik sebanyak 2031 kesilapan diikuti dengan Kesilapan Bahasa sebanyak 1143 kesilapan, manakala kesilapan yang terendah, iaitu kesilapan Penanda Wacana, sebanyak 792 kesilapan. Sementara itu pelajar-pelajar yang melakukan kesilapan terbanyak ialah pelajar-pelajar KIWUIAM, iaitu sebanyak 1362 kesilapan diikuti oleh pelajar-pelajar FPIUKM sebanyak 1317 kesilapan dan kumpulan pelajar yang melakukan kesilapan yang paling sedikit ialah pelajar APIUM sebanyak 1287 kesilapan.

Di samping itu, kajian ini turut mengenal pasti masalah-masalah dalam penterjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu seperti tiada pengalaman, lemah memahami dan menguasai teks Arab yang mengandungi pelbagai ragam bahasa, sikap dan tanggapan yang pasif terhadap bidang penterjemahan, kurang memahami teknik penterjemahan dan penguasaan yang lemah terhadap bahasa Malaysia sebagai bahasa sasar.

Walau bagaimanapun, masalah-masalah ini dapat membantu penulis untuk memperbaiki kelemahan pelajar seperti meningkatkan penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasar, mendekatkan para pelajar dengan institusi penterjemahan, menggalakkan mereka mengambil kursus-kursus penterjemahan dan mewujudkan kajian perbandingan antara bahasa dan budaya.

Sesungguhnya kajian ini bertujuan untuk menghasilkan dapatan yang bermanfaat kepada:-

1. Institusi-Institusi dan Pusat-Pusat Bahasa

Hasilan kajian ini mempunyai dapatan yang bermanfaat kepada institusi-institusi dan pusat-pusat Bahasa khususnya dalam bidang penterjemahan bagi merangka kursus dan bidang yang berkaitan penterjemahan termasuk penterjemahan Arab-Melayu atau sebaliknya. Skop kursus hendaklah menjurus kepada cara-cara mengatasi kesilapan-kesilapan yang berlaku ketika proses penterjemahan dijalankan. Di samping itu, hasil kajian ini boleh menjadi panduan dan rujukan kepada institusi-institusi dan pusat-pusat berkaitan.

2. Para Penerbit dan Penterjemah Bahasa.

Kajian ini amat berguna kepada penerbit-penerbit buku termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka dan penterjemah-penterjemah bahasa dalam merangka hasil penterjemahan yang bersifat kesilapan sifar (*zero-error*) atau paling

kurang kesilapan pada kadar minima, di samping dapat meningkatkan mutu teks terjemahan terutamanya terjemahan Arab-Melayu supaya mencapai tahap piawaian yang dikehendaki (*standard of textuality*). Ini bersetujuan dengan saranan Ainon Khairiah (1985:236) dengan katanya:

“....penterjemahan yang baik dapat menyebabkan pembacanya tidak menyedari bahawa dia sedang membaca karya terjemahan”.

3. Para Penyelidik dan Pengkaji Bahasa

Kajian ini juga turut menyumbang hasil yang amat berguna kepada pakar-pakar penyelidik dan pengkaji bahasa untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam proses-proses penyelidikan bahasa khususnya dalam penyelidikan penterjemahan Arab-Melayu. Dapatan kajian ini merupakan sumbangan yang bermakna terhadap bidang penterjemahan Arab-Melayu yang sememangnya tandus dengan bahan-bahan rujukan dalam bidang ini.

4. Guru-Guru dan Para Pelajar

Hasil kajian ini juga boleh memberi manfaat kepada guru bahasa Arab dan pelajar-pelajar. Guru dan pelajar boleh menjadikan bentuk-bentuk kesilapan yang ditemui dalam analisis ini sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan kaedah yang betul dan tepat khususnya subjek terjemahan. Di samping itu, dapatan yang terhasil daripada kajian ini amat berguna dalam meningkatkan kefahaman pembacaan pelajar terhadap teks-teks Arab.

6.2 Cadangan

Antara cadangan-cadangan yang dapat dikemukakan oleh penulis bagi mengatasi dan memperbaiki kelemahan dalam penterjemahan adalah seperti berikut:

- 1. Meningkatkan Penguasaan Pelajar Terhadap Bahasa Sumber (Arab) dan Bahasa Sasar (Melayu).**

Hal ini boleh dicapai dengan meluaskan lagi bahan bacaan bahasa Arab yang tidak hanya tertakluk kepada buku-buku rujukan agama sahaja, tetapi hendaklah merangkumi pelbagai bidang seperti geografi, falsafah, perubatan, sains dan teknologi, sejarah dan sebagainya. Manakala pihak-pihak yang berkaitan pula, perlu menyediakan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Arab yang mencukupi untuk kegunaan para pelajar dalam bidang-bidang yang disebutkan di atas tadi. Sementara itu, penguasaan bahasa Melayu boleh ditingkatkan dengan melatih para pelajar menulis makalah-makalah ilmiah dalam pelbagai bidang. Ia juga boleh dijayakan dengan mengadakan program-program yang menggalakkan penyertaan pelajar dalam penulisan seperti pertandingan menulis karya-karya dalam bidang-bidang tertentu, pertandingan menulis cerpin, rencana, eseи dan sebagainya.

2. Menekankan Penguasaan Tatabahasa (nahu), Morfologi (şaraf) dan Retorik (balāghah) Dalam Bahasa Arab dan Kesesuaianya Dalam Penterjemahan Ke Dalam Bahasa Melayu.

Melalui penelitian yang mendalam terhadap teks-teks terjemahan Arab-Melayu yang menjadi sampel kajian ini, penulis mendapati para pelajar tidak begitu menguasai ilmu-ilmu penting bahasa Arab seperti ilmu şaraf، الصرف

nahu النحو و balāghah البلاغة dengan baik. Penguasaan yang baik dalam ilmu Şaraf itu merupakan faktor penting bagi menjamin ketinggian mutu sesuatu bahan terjemahan. Ini adalah kerana perkataan-perkataan itu berpadu dan membentuk ayat yang mempunyai ciri-ciri makna yang tertentu.

Antara topik-topik penting ilmu Şaraf yang perlu ditekankan, ialah pertama; huruf-huruf imbuhan pada kata kerja dasar yang membawa perubahan makna sama ada dengan satu, dua, atau tiga huruf imbuhan seperti kata kerja fa'ala فاعلَ, af'ala أفعلَ, tafa'ala تفاعلَ, ifta'ala إفتاعلَ, inf'a'ala إنفعلَ

dan lain-lain lagi. Kedua; bentuk-bentuk kata kerja *transitif* متعدّى dan

bentuk-bentuk kata kerja *tidak transitif* لازم، المُصْنَدُر Jenis-jenis kata terbitan

kata nama pelaku dan objek، اسم الفاعل واسم المفعول kata nama tempat dan

masa، الصيغة المبالغة، اسم المكان والزمان al-Şifah al-Şighah al-Mubālaghah، اسم

اسْمُ التَّفْصِيلِ وَ اسْمُ الْمُشَبَّهَةِ al-Musyabbahah dan Ism al-tafđil

Sementara itu, ilmu Nahu pula tidak kurang pentingnya dalam proses penterjemahan. Ini bererti seseorang yang mempunyai penguasaan yang baik dalam ilmu Nahu mampu memahami ayat dalam bahasa Arab dengan baik. Antara ilmu Nahu yang perlu dikuasai oleh seorang penterjemah ialah seperti “*al-Mubtadā' wa al-Khabar*”, “*Kāna wa akhawātuha*”, “*كَانَ*”, “*الْمُبْتَدَأُ وَالْخَبَرُ*”, “*al-Badal*”, “*الْبَدَلُ*”, “*al-Fā'il wa Nā'ib al-Fā'il*”, “*الْفَاعِلُ وَنَائِبُ الْفَاعِلِ*”, “*al-Fā'il*”, “*الْفَاعِلُ*”, “*al-Mafā'īl*”, “*الْمَفَاعِيلُ*”, “*al-Hāl*”, “*الْحَالُ*”, “*al-Mustathnā*”, “*الْمُسْتَثْنَى*”, “*al-Tamyīz*”, “*الْتَّمْيِيزُ*”, dan lain-lain topik Nahu yang memerlukan pertimbangan makna dalam proses penterjemahan.

Demikian juga dengan ilmu Balaghah yang merupakan kesenian bahasa Arab, ia mengandungi ciri-ciri keindahan makna yang unik yang terdapat dalam ketiga-tiga bahagian ilmu Balaghah, iaitu “*ilmu al-Ma'āniy*”, “*ilmu al-Bayān*” dan “*ilmu al-Badi'*”. Ini adalah kerana ungkapan-ungkapan yang bersifat retorik biasanya membawa maksud yang tersirat, mendalam dan berkesan.

3. Mendekatkan Para Pelajar Dengan Institusi-Institusi Penterjemahan.

Para pelajar perlu didekatkan dengan institusi-institusi bahasa dan persatuan penterjemahan seperti Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), Persatuan Penterjemahan Malaysia (PPM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Melalui cara ini, pelajar dapat mengetahui peranan penterjemahan dalam mencapai matlamat pembangunan bangsa dan negara. Begitu juga, kepentingannya sebagai salah satu agenda negara untuk mencapai matlamat wawasan 2020.

Dengan itu, pelajar-pelajar akan terdedah dengan perancangan penterjemahan di Malaysia yang dibuat oleh ITNM seperti mengetahui permintaan penterjemahan pada masa hadapan, memenuhi keperluan buku-buku terjemahan di peringkat institusi pengajian tinggi, bertanggungjawab mengedarkan karya-karya terjemahan ke pasaran tempatan dan antarabangsa, menyediakan latihan kepada para penterjemah untuk meningkatkan lagi jumlah dan mutu karya-karya terjemahan dalam pelbagai bidang, menyediakan latihan kepada penterjemah dengan menggunakan alat-alat dan kelengkapan berteknologi tinggi (Abdullah Hassan 1999: 447). Kesemua perkara di atas dapat mendorong para pelajar mendalami dan menceburi bidang penterjemahan.

4. Menggalakkan Para Pelajar Aliran Agama Di Universiti Mengambil Kursus-Kursus Terjemahan.

Melalui kajian analisis kesilapan yang dijalankan, kesilapan pelajar banyak berpunca daripada maklumat dan pengetahuan mereka yang terbatas dalam bidang penterjemahan. Oleh yang demikian, kursus-kursus penterjemahan wajar di dedahkan kepada para pelajar aliran agama seperti syariah, usuluddin dan pengajian Islam di universiti. Ini diharapkan mereka mampu mengatasi masalah kurang pemahaman mengenai prinsip-prinsip dan teknik-teknik

penterjemahan di kalangan pelajar. Di samping itu, para pelajar perlu memperbanyakkan penghasilan terjemahan terutama dalam teks-teks agama seperti yang disarankan melalui persidangan Penterjemahan Antarabangsa (Abdullah Hassan 1999:xi).

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat kursus-kursus penterjemahan yang ditawarkan oleh universiti-universiti seperti UKM, UIAM dan UM tetapi ia hanya ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mengambil pengkhususan bahasa dan kesusteraan sahaja, manakala para pelajar dalam jurusan lain terutamanya jurusan agama seperti Syariah, Usuluddin dan Pengajian Islam kurang berminat untuk mengikuti kursus ini.

5. Mewujudkan Sebuah Kajian Perbandingan Antara Bahasa dan Budaya.

Bagi menghasilkan karya terjemahan yang bermutu tinggi, penterjemah seharusnya bijak menyesuaikan struktur sesuatu bahasa sumber ke dalam bahasa sasar. Oleh yang demikian, mata pelajaran perbandingan bahasa antara bahasa Arab dan bahasa Melayu wajar diwujudkan dan diajarkan kepada pelajar-pelajar. Skop pengkajian tidak setakat perbandingan tatabahasa sahaja, malah lebih luas daripada itu mencakupi perbandingan dari segi struktur binaan ayat dan perbandingan penggunaan kata hubung.

Begitu juga, kajian tentang perbendaharaan bahasa Arab yang digunakan secara meluas dalam bahasa Melayu. Hal ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana ketepatan dan penyelewengan makna yang berlaku mengikut

kefahamanan penutur bahasa Melayu. Sesungguhnya saranan dan cadangan ini telah dikemukakan sejak tahun 1993 lagi oleh Sohair Abdul Moneim Sery (1993: 150) dalam kertas kerjanya “*Tamaddun Islam Asas Kemajuan Ilmu dan Teknologi Moden (dari skop penterjemahan)*”. Namun begitu, hingga ke hari cadangan ini hanya tinggal cadangan dan masih belum mampu membawa hasil dalam karya-karya yang mantap.

6.3 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Memandangkan bidang penterjemahan Arab-Melayu ini sangat luas, sementara kajian-kajian yang dijalankan berkaitan dengannya sangat terhad, maka penulis mendapati banyak kajian-kajian dalam bidang ini yang boleh dijadikan cadangan sebagai kajian lanjutan pada masa-masa akan datang. Cadangan untuk kajian lanjutan dapat dilihat seperti berikut:

1. Kajian terhadap makna-makna nahu atau tatabahasa Arab. Skop kajian ini sangat luas kerana tatabahasa Arab mempunyai tajuk yang banyak. Contohnya, bagaimana menterjemahkan frasa “*Maf’ūl*” ke dalam bahasa Melayu?. Ini adalah kerana “*Maf’ūl*” mempunyai beberapa bahagian seperti “*Maf’ūl Muṭlaq*”, “*Maf’ūl li Ajlih*”, “*Maf’ūl Ma’ah*”, “*Maf’ūl Fiḥ*” dan “*Maf’ūl biḥ*”.
2. Kajian penterjemahan terhadap huruf-huruf tambahan dalam kata kerja bahasa Arab seperti penambahan satu huruf, penambahan dua huruf dan penambahan tiga huruf.

3. Kajian penterjemahan terhadap cabang-cabang ilmu balaghah (retorik Arab) seperti “*ilmu al-Badi*”, “*al-Bayān*” dan “*al-Ma‘āniy*” ke dalam bahasa Melayu.
4. Kajian penterjemahan teks dari bahasa Melayu ke bahasa Arab dan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu merupakan cadangan kajian lanjutan yang baik dan kurang di ceburi oleh peminat-peminat dan pengkaji-pengkaji bahasa Arab.

6.4 Penutup

Melalui kajian yang telah dijalankan, ternyata bidang penterjemahan Arab-Melayu mempunyai peranan yang penting di dalam mengukuhkan bahasa Melayu dan meningkatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat yang berbahasa Melayu di negara ini. Namun demikian, bahan-bahan ilmiah yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu sangat terhad jika dibandingkan dengan jumlah umat Islam di Malaysia. Sedangkan karya-karya ulama' silam masih belum diterjemahkan. Hal ini disebabkan golongan cendikiawan muslim yang menguasai bahasa Arab dengan baik tidak begitu berminat untuk berkecimpung dalam bidang penterjemahan secara aktif. Oleh yang demikian, melalui kajian-kajian penterjemahan seperti ini, diharap dapat meningkatkan dan memajukan bidang penterjemahan khususnya terjemahan Arab-Melayu.